

Lindung dagangan: KL sokong selaran

Dari RAHMAN ADNAN

SUVA (Fiji), Rabu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedia memberi sokongan kepada mana-mana negara membangun di rantau ini dalam menghadapi dasar perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh Australia.

Bercakap kepada para pemberita seibanya di sini petang ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Komanwel bagi Negara-Negara Rantau Asia dan Pasifik, beliau mengulangi seruannya supaya negara-negara kaya seperti Australia membuka peluang dagangan kepada negara-negara membangun.

Australia mengenakan cukai tinggi dan halangan-halangan lain ke atas barang-barang dibuat oleh negara seperti Malaysia yang baru hendak muncul dalam bidang pengilangan.

"Saya faham perlunya negara kecil melindungi (industri mereka), tetapi negara besar dan gagah harus membuka pasaran. Ini bermakna mereka jangan terlalu memberi perlindungan."

Beliau berkata Malaysia tidak menghadapi masalah dengan New Zealand dalam soal perdagangan. Tetapi tambahnya, "Saya telah pun berbincang dengan Australia. Saya juga bersedia memberi sokongan hujah kepada mana-mana negara lain dalam menghadapi dasar perlindungan Australia."

Kenyataan Perdana Menteri itu selaras dengan sikap urusetia Komanwel yang baru sahaja mengeluarkan laporan sebuah jawatankuasa khas dibentuk tahun lalu bagi mengkaji masalah dasar perlindungan dagangan.

Laporan itu, berdasarkan kajian 11 orang pakar ekonomi dari negara-negara Komanwel termasuk Malaysia dan Australia, mensifatkan dasar perlindungan sebagai suatu ancaman kepada kesejahteraan antarabangsa.

Ia menyeru supaya semua negara berusaha memulihkan perkembangan perdagangan antarabangsa, termasuk mengurangkan halangan perdagangan hasil pertanian dan memberi keuta-

maan kepada negara-negara membangun.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga membidas sikap negara-negara maju yang masih keberatan untuk mengesahkan Konvensyen Undang-Undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Adalah tidak adil bagi negara-negara gagah perkasa bersifat tamak dan mendapat faedah maksimum bagi diri sendiri sahaja," katanya.

Setakat ini Amerika Syarikat, Britain dan Jerman Barat adalah di antara negara yang belum mengesahkan konvensyen itu.

"Memang kita tidak senang hati kerana mereka belum menurunkan tanda tangan. Adalah penting kata sepakat dicapai supaya hasil dasar laut dapat diteroka," tegasnya.

Tumpang

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah tiba di Lapangan Terbang Suva kira-kira jam 6.30 petang ini, diiringi oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie.

Rombongan Perdana Menteri menumpang pesawat Tentera Udara New Zealand. Pesawat MAS yang dinaikinya dari Kuala Lumpur terlalu besar untuk mendarat di Lapangan Terbang Suva. Pesawat MAS itu mendarat di Nadi, kira-kira 350 kilometer ke utara Suva.

Memandangkan kenyataan beliau tahun lalu bahawa Komanwel lebih banyak bercakap dari bertindak, Datuk Seri Dr. Mahathir ditanya kenapa beliau membuat keputusan untuk datang ke Suva.

"Saya ingin menemui rakan-rakan lama saya dalam Komanwel," ujar beliau.

"Terlalu ramai menghadiri persidangan penuh Komanwel. Tetapi dalam persidangan kecil seperti ini, lebih banyak faedahnya."